

01/02/1997

Pelbagai pihak sokong cadangan PM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelbagai pihak hari ini menyokong cadangan kerajaan untuk menggubal undang-undang yang membolehkan pemilik dan pengusaha pusat hiburan didakwa sebagai pengedar dadah jika membenarkan premis mereka digunakan sebagai tempat kegiatan pengedaran dan penagihan dadah.

Sambil menyifatkan cadangan yang diutarakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam sebagai wajar, mereka sependapat usaha itu bukan saja dapat mengurangkan maksiat malah menjamin keselamatan negara.

Bagaimanapun, kebanyakan pengusaha menyatakan pendirian berbeza dan beranggapan cadangan itu mereka.

Malah, mereka berpendapat langkah kerajaan itu bukan saja akan merugikan pengusaha terbabit malah kerajaan berikutan pengaliran wang ke luar negara atas tujuan berhibur.

Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia, Datuk Mohd Ali Rustam, berkata cadangan kerajaan itu wajar kerana pada masa ini pemilik dan pengusaha pusat hiburan tidak mengenakan peraturan menghalang pengunjung membawa barang yang menyalahi undang-undang.

"Keadaan ini menggambarkan seolah-olah pemilik dan pengusaha premis turut menyokong kegiatan terbabit. Dengan peraturan baru ini, kita yakin masalah pengedaran dan penagihan dadah boleh dikurangkan," katanya, di sini hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pemilik pusat hiburan perlu bertanggungjawab jika berlaku kegiatan berkenaan di premis mereka.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Suhaimi Ibrahim, berkata tindakan itu adalah langkah paling berkesan bagi membendung masalah sosial di kalangan belia dan remaja.

Setiausaha Agung Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman, berkata kerajaan tidak patut bertolak-ansur dengan pemilik dan pengusaha pusat hiburan yang bersubahat dengan kegiatan penagihan dan pengedaran dadah di premis mereka.

Di KLANG: Pengerusi Majlis Belia Selangor (MBS), Datuk Abdul Rahman Palil, berkata langkah itu perlu dilaksanakan secara berhati-hati bagi mengelak pemilik dan pengusaha pusat hiburan yang bersikap jujur didakwa kerana premis mereka digunakan golongan terbabit.

Di KUALA TERENGGANU: Pengerusi Majlis Belia Negeri Terengganu (MBNT), Datuk Wan Zakaria Abdul Rahman, berkata kerajaan juga perlu menerapkan unsur dakwah dan moral yang sesuai di pusat hiburan bagi memberi kesedaran kepada semua pengunjung.

(END)